

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 October 2015

# Pelabur Itali terus yakini Malaysia

■ MILAN 4 OKT.

**P**ELABUR Itali terus yakin dengan Malaysia seperti yang dibuktikan menerusi keputusan mereka untuk terus mengembangkan dan mempelbagaikan operasi sedia ada mereka di dalam negara, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, meskipun perdagangan dua hala meningkat dengan ketara dan pelaburan Itali juga berkembang pesat dalam tempoh yang singkat, beliau berharap Rome dan Kuala Lumpur akan terus bekerja sama bagi meraih manfaat bersama.

Beliau berkata, banyak yang boleh ditawarkan Malaysia kepada pelabur dan perniagaan Itali berdasarkan kepada asas negara yang kukuh dan ditambah dengan unjuran pertumbuhan ekonomi stabil meskipun persekitaran global yang mencabar.

"Pelabur Itali mempunyai operasi kukuh di Malaysia. Kami bangga memiliki syarikat terkemuka Itali seperti Versalis, Augusta Westland, Alfa Romeo, Galperti Group, Nicotra Fans and Blowers dan Marelli Motori beroperasi di Malaysia," katanya.

Najib berkata demikian semasa mesyuarat meja bulat dengan ketua-ketua industri Itali bersempena dengan Expo Milano 2015, di sini semalam.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Presiden Persatuan Persahabatan Itali-Malaysia, Anacleto Feliciani dan Pengerusi Jawatankuasa Malaysia dan Brunei Dewan Perniagaan Swiss Asia, Patrick H Kriesemar.

Antara wakil syarikat yang



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan ahli perniagaan dan korporat selepas mengadakan mesyuarat meja bulat dengan ketua-ketua industri Itali bersempena dengan Expo Milano 2015 di Milan, kelmarin. - BERNAMA

menghadiri mesyuarat itu ialah daripada Excel Rim Co. Ltd yang terlibat dalam kejuruteraan, Marelli Motori SpA, pengeluar motor elektrik, Unigra yang terlibat dalam pemrosesan minyak dan lemak makanan, marjerin dan produk separa siap dan Sordi Impianti yang terlibat dalam mesin dan idlang bagi industri makanan.

Najib berkata, dalam tempoh 10 tahun lepas perkongsian Malaysia dan Itali berkembang pesat dengan pelaburan dalam sektor pembuatan meningkat daripada AS\$9.5 juta pada 2010 kepada AS\$303 juta tahun lepas.

"Pada Disember 2014, Malaysia secara kumulatif meluluskan sejumlah 115 projek pembuatan dengan pembabit syarikat Itali.

"Pelaburan-pelaburan ini bernilai AS\$1654.3 juta dan telah mewujudkan 10,378 peluang pekerjaan," katanya.

Selain itu, keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia dengan Itali pada 2014 sahaja berjumlah AS\$2.69 bilion, katanya.

Beliau berkata, meskipun persekitaran global yang mencabar, asas ekonomi Malaysia masih kukuh ditambah dengan kestabilan politik.

Perdana Menteri turut menyak-

sikan pertukaran surat setuju terima bagi pajakan tanah seluas 84 hektar di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat antara Perbadanan Johor dan syarikat Itali, Unigra.

Perbadanan Johor diwakili exco kerajaan negeri, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Ushawan dan Koperasi, Mohammad Jais Sarday, manakala Unigra diwakili Pengarah Kewangan Kumpulan, Luca Mini.

Pelaburan bernilai RM250 juta itu adalah bagi pemrosesan minyak dimakan dan lemak, marjerin dan produk separa siap bagi industri makanan dan konfeksi. - BERNAMA

Um - 5/10/2015